

D949 .

B B344 DEB

MAHATHIR

(I)

KUALA LUMPUR, 5 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENKRITIK IBU BAPA YANG MELEPASKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DALAM ERTIKATA SEBENARNYA SEHINGGA WUJUD BANYAK MASALAH DI DUNIA HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, AKIBATNYA KANAK-KANAK TIDAK DIBESARKAN DENGAN PENDIDIKAN SEWAJARNYA DAN SISTEM NILAI BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENGATASI MASALAH HIDUP MASING-MASING DI MASA DEPAN.

SEMASA MERASMIKAN KONGRES PAEDIATRIK ASIA KELIMA DI WISMA MCA DI SINI, BELIAU MENGUTUK SETENGAH-SETENGAH AHLI PAEDIATIK YANG LALAI KEPADA TANGGUNGJAWAB MEREKA KERANA BERPENDAPAT BAHAWA PERANAN MEREKA BANYA TERHAD KEPADA SOAL-SOAL KESIHATAN FIZIKAL DAN MENTAL KANAK-KANAK DAN TIDAK KE ARAH PEMBENTUKAN WARGANEGARA YANG BAIK DALAM MASYARAKAT BERTAMADUN.

BELIAU BERKATA SEORANG DOKTOR PERUBATAN, DALAM SEBUAH BUKUNYA MENGENAI CARA MENDIDIK KANAK-KANAK, TELAH MENYEBABKAN BUKAN SAHAJA PERPECAHAN SEBUAH KELUARGA TETAPI JUGA MASYARAKAT ITU SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KESAN HEBAT DARIPADA BUKUNYA ITU JALAH WUJUDNYA FENOMENA HIPIS, BERSEKEDUDUKAN, PERGAULAN BEBAS, HOMOSEKSUAL DAN KELUARGA-KELUARGA YANG BERKELOMPOK.

+WABAK AIDS TIDAK MENAKUTKAN MEREKA DAN KITA YANG SELAMA INI MENERIMA NILAI-NILAI SALAH ITU,+ KATANYA. -- LAGI

1934MST 05 08 85

0950

B 8345 DEB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU LEBIH RAMAI DOKTOR MENULIS BUKU DAN MEMBERI BIMBINGAN KEPADA KELUARGA, KHUSUSNYA KAUM IBU MENGENAI CARA YANG BETUL BAGI MENDIDIK ANAK.

BELIAU BERKATA BAHAWA KAUM IBU HARI INI MASIH KELIRU ANTARA KEINGINAN UNTUK MEMBERI PENDIDIKAN DISIPLIN DAN MEMUKUL ANAK-ANAK MEREKA.

+MEREKA TIDAK TAHU BAGAIMANAKAH UNTUK MENGATASI KEADAAN SEPERTI ITU DAN AKIBATNYA KANAK-KANAK ITU MEMBESAR DENGAN MENIRU PERBUATAN ORANG DEWASA.+ KATANYA.

KATANYA, PERBUATAN MEMUKUL KANAK-KANAK TIDAK HARUS DIBIARKAN TETAPI KANAK-KANAK YANG MELAKUKAN KESALAHAN HENDAKLAH DIKENAKAN HUKUMAN RINGAN BAGI MENYEDARKAN BAHAWA MEREKA HIDUP DALAM DUNIA YANG PERASAKAN KEPADA KENYATAAN BAHAWA SETIAP KESALAHAN AKAN MENERIMA HUKUMAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KEBANYAKAN IBU BERPENDAPAT BAHAWA KANAK-KANAK TIDAK HARUS DIHUKUM KERANA MASIH KECIL UNTUK MEMAHAMINYA DAN YANG DEMIKIAN MENYEBABKAN KANAK-KANAK ITU TIDAK MEMPERDULIKAN NASIHAT DAN ENGGAN MEMIKUL TANGGUNGJAWAB. -- LAGI
1935MST 05 08 85

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

(I)

+TIDAKLAH MENGHAIRKAN KALAU KITA MELIHAT HARI INI RAMAI KANAK-KANAK DARIPADA KELUARGA YANG BAIK MENGGUNAKAN DADAH DAN MELAKUKAN JENAYAH DAN MENGAMALKAN CORAK HIDUP YANG BERCANGGAH DENGAN KEMAJUAN MASYARAKAT.+

SEHUBUNGAN DENGAN INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR PERCAYA JIKA KANAK-KANAK DAPAT MELAHIRKAN FIKIRAN DAN PERASAAN DENGAN KATA-KATA YANG JELAS, BERJUTA-JUTA ORANG DARIPADA MEREKA BERKEMUNGKINAN MENANGIS KERANA MEMIKIRKAN MENGAPAKAH MEREKA DILAHIRKAN.

BELIAU BERKATA BAHAWA RAMAI KANAK-KANAK TIDAK MENDAPAT MAKANAN, TEMPAT TINGGAL DAN PAKAIAN YANG MENCUKUPI DAN TERDEDIAH KEPADA BAHAYA SEKELILING SEMENTARA KANAK-KANAK DARIPADA MASYARAKAT MEWAH DAHAGAKAN KASIH SAYANG IBU BAPA.

KATANYA, +TIDAK ADA YANG LEBIH MENGGEMBIRAKAN KEADAAN KITA YANG SUDAH LANJUT USIA MELAINKAN MENDENGAR SUARA KANAK-KANAK ITU KETAWA.+

MENGENAI MENGAPAKAH MALAYSIA MEMERLUKAN 70 JUTA PENDUDUK MENJELANG TAHUN 2100, PERDANA MENTERI BERKATA INI AKAN MEMBANTU MALAYSIA KERANA TIDAK PERLU BERGANTUNG KEPADA NEGARA ASING DAN DIMONOPOLI OLEH NEGARA LAIN. -- LAGI
1957MST 05 08 85

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

(I)

+DENGAN LAIN PERKATAAN, KITA PERLU, DARIPADA SEGI EKONOMI DAN POLITIK, MEMPUNYAI RAMAI PENDUDUK. ITULAH BENTUK YANG PALING DIBENCI OLEH PARA DOKTOR DAN AHLI SOSIOLOGI TETAPI KITA MEMIKIRKAN BAHAWA ALASAN ITU MEMANG WAJAR.+

MENGENAI KESIHATAN IBU DAN KANAK-KANAK DI NEGARA INI, PERDANA MENTERI BERKATA, IA DIBERI KEUTAMAAN DALAM KEMAJUAN RANCANGAN KESIHATAN DAN KEPENTINGAN IBU DAN KANAK-KANAK SELALU DIAMBIL KIRA DALAM SEMUA PROGRAM BERKENAAN.

PAKAR-PAKAR PAEDIATRIK DARI 35 NEGARA DAN EMPAT BUAH AGENSI DAN PERSATUAN ANTARABANGSA YANG BERKENAAN MENGHADIRI KONGRES LIMA HARI ITU ANJURAN PERSATUAN PAEDIATRIK MALAYSIA (MPA)